



## JADUAL PEMBACAAN KHUTBAH JUMAAT SIRI 1/ 2022 (Bulan Januari Tahun 2022)

Bil.	Tajuk	Tarikh	Muka surat
1.	Tahun Berlalu, Mana Azam Baru?	7 Januari 2022M/ 4 Jamadillakhir 1443H	3
2.	Nabi Muhammad: Idola Umat	14 Januari 2022M/ 11 Jamadillakhir 1443H	9
3.	Menjadi Soleh Dan Muslih	21 Januari 2022M/ 18 Jamadillakhir 1443H	15
4.	Mensyukuri Nikmat Umur	28 Januari 2022M/ 25 Jamadillakhir 1443H	24
<b>Khutbah Kedua</b>			

Percetakan dibiayai:



زكاة فولو فوينغ

No Telefon: 04-549 8088

---

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
  
- 2. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
  
- 3. Ustaz Rosli bin Othman**  
Ketua Sektor Pendidikan Islam,  
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP)
  
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
  
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
  
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
  
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
  
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## NABI MUHAMMAD: IDOLA UMAT

( 14 Januari 2022M/ 11 Jamadilakhir 1443H )

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ  
الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ. فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala laranganNya.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita berikan sepenuh tumpuan kepada isi kandungan khutbah hari ini. Sedarlah bahawasanya perbuatan berbual-bual, bermain telefon bimbit atau tidur dengan sengaja adalah perbuatan sia-sia yang boleh menjejaskan kesempurnaan meraih ganjaran pahala. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Nabi Muhammad: Idola Umat.**”

### Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ berfirman:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ  
الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

*Maksudnya: “(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”. (Surah Ar-Rum ayat 30)*

Islam adalah agama yang memacu fitrah manusia supaya berperanan mengikut tabiat asal manusia sebagaimana yang dicipta Allah di samping fitrah yang ditentukan kepada ciptaan manusia. Allah menurunkan pula wahyu-Nya yang disampaikan oleh para Rasul untuk menjadi panduan dalam kehidupan.

Salah satu sifat wajib bagi Rasulullah ialah Amanah. Sifat amanah adalah hasil daripada kekuatan iman. Orang yang beriman sewajarnya seorang yang beramanah dan boleh dipercayai. Demikian keperibadian yang ditonjolkan oleh Rasulullah ﷺ sebagai seorang yang tinggi integriti serta amat dipercayai pada setiap perkataan dan perbuatan.

Antara perbuatan yang bertentangan dengan sifat amanah adalah rasuah kerana ia satu bentuk maksiat yang bertentangan dengan fitrah manusia. Perbuatan rasuah dan pecah amanah telah menjadi antara punca yang menyebabkan negara mengalami kegagalan dalam pelbagai aspek merangkumi kepimpinan, ekonomi, sosial, pendidikan, sains dan teknologi. Kembali kepada nilai-nilai agama yang digariskan dalam al-Quran dan Sunnah adalah penyelesaian bagi mengatasi budaya rasuah yang semakin membarah dalam masyarakat. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, at-Tirmizi dan Ibn Majah, Rasulullah ﷺ bersabda:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ

Maksudnya: “Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ melaknat pemberi dan penerima rasuah.”

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ sebagai Rasul utusan terakhir diutus kepada seluruh alam. Marilah kita merenung dan menghayati apakah risalah global yang dibawa oleh Baginda Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ antaranya adalah risalah persamaan, kemanusiaan, hubungan sejagat dan kebebasan agama.

**Pertama: Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ membawa risalah persamaan.**

Dalam sebuah hadis, Baginda menegaskan ertinya: “*Wahai manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu adalah satu (Allah), bapa kamu sama (Adam). Ketahuilah! Tiada kelebihan orang Arab ke atas orang ‘Ajam (bukan Arab), atau orang yang bukan Arab ke atas Arab, atau yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, atau yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah melainkan ketakwaan*”. (Hadis Riwayat Ahmad dan Al-Baihaqi)

Hadis ini menegaskan tentang persamaan nilai kemanusiaan tanpa mengenal perbezaan bangsa melainkan kelebihan yang berdasarkan takwa di sisi Allah. Prinsip ini telah diajarkan oleh Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. Orang-orang bukan Islam, pasti akan terpegun dan terkesima apabila menyendiri bahawa kata-kata hebat itu diucapkan lebih 1,400 tahun yang lampau. Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ berfirman:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ  
عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari

*benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk yang telah Kami ciptakan.” (Surah al-Isra’ ayat 70)*

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

**Kedua: Nabi Muhammad ﷺ membawa risalah kemanusiaan**

Seruan dan ajaran Nabi sangat tinggi nilai kemanusiaan dan kebaikan. Di dalam Al-Quran kalimah insan disebut sebanyak 63 kali. Baginda juga bersabda dalam hadisnya:

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ، اَرْحَمُوا مَنْ فِي الْاَرْضِ يَرْحَمَكُم مِّنْ فِي السَّمَاءِ، الرَّحِمُ شُجْنَةٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ، فَمَنْ وَصَلَهَا وَصَلَهُ اللهُ وَمَنْ قَطَعَهَا قَطَعَهُ اللهُ

Ertinya: Orang-orang yang memiliki sifat kasih sayang akan disayang oleh Allah yang Maha Penyayang, sayangilah semua yang ada di bumi, maka semua yang ada di langit akan menyayangimu. Kasih sayang itu bahagian dari rahmat Allah, Barangsiapa menyayangi, Allah akan menyayanginya. Siapa memutuskannya, Allah juga akan memutuskannya.

(Hadis Riwayat At-Tirmizi)

Jelaslah seruan Nabi ﷺ penuh kesejahteraan dan ajaran Nabi menggalakkan hubungan yang mulia. Pasti, siapa sahaja dari kalangan bukan Islam yang ikhlas dan berfikiran terbuka, insya-Allah, akan terpaut hatinya untuk melihat nilai yang tinggi ini.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

**Ketiga: Nabi Muhammad ﷺ membawa risalah hubungan sejagat.**

Betapa seriusnya, masyarakat dunia perlu disedarkan, sesungguhnya Nabi Muhammad sebagai pemimpin telah menyeru sebagaimana firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya”. (Surah Al-Hujurat ayat 13)

Dengan membawa ajaran hubungan sejagat, kita melihat Baginda telah menyampaikan Islam kepada semua golongan masyarakat tidak mengira kaum atau bangsa. Walaupun Nabi **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** berbangsa Quraish, namun risalahnya disampaikan kepada kabilah-kabilah Arab di Mekah dan juga penduduk Yathrib. Bilal bin Rabah dan Salman Al-Farisi yang bukan berketurunan Quraish juga telah menyahut seruan Nabi. Islam bukan untuk keturunan tertentu, tetapi sesiapa sahaja bebas untuk memilih Islam. Malah Islam di abad ini adalah agama yang berkembang pesat di negara Barat.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

**Keempat: Nabi Muhammad **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** membawa risalah kebebasan beragama**

Apabila kita meneliti pada zaman sekarang, masyarakat memerlukan kehidupan yang harmoni dan bertoleransi. Ini termasuklah memberi kebebasan kepada seseorang untuk memilih agama yang dikehendaknya. Di zaman Nabi Muhammad, walaupun Islam dibawa oleh Nabi, namun

kebebasan beragama telah dijadikan sebagai pilihan kepada semua manusia untuk menganuti apa yang mereka yakini, menggunakan nikmat akal yang diberikan Allah untuk membuat pilihan yang betul ataupun sebaliknya. Seperti yang difirmankan oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

Maksudnya: “Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Toghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”. (Surah Al-Baqarah ayat 256)

## **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai umat Islam untuk memperkenalkan Baginda Nabi kepada masyarakat Malaysia seterusnya memahami budaya hidup sesama kita yang membentuk masyarakat yang harmoni, saling memahami dan bertolak ansur. Sebagai rumusan marilah kita hayati perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Nabi *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* menunjukkan bahawa manusia mempunyai peranan dan bertanggungjawab kepada keluarga, masyarakat dan alam sejagat.

**Kedua:** Nabi *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* menegakkan keadilan sejagat dan menolak kezaliman serta perhambaan.

**Ketiga:** Nabi *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* menyebarkan rahmat kasih sayang kepada makhluk sekalian alam.



**Keempat:** Nabi ﷺ memberi kebebasan mencari Tuhan yang sebenar untuk disembah dan tidak ada paksaan dalam beragama.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ  
كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).” (Surah Al-Ahzab ayat 21)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْوَحْيَيْنِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا أَنْزَلَ عَلَيَّ سَيِّدِ الثَّقَلَيْنِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ طَاعَتَهُ لِسَعَادَةِ الدَّارَيْنِ، أَقُولُ مِنْ قَلْبِي الْحَنِينِ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ أَجْمَعِينَ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْمَيِّتِينَ، فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ، وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ.



## Khutbah Kedua Bulan Januari

2022M/ 1443H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى  
إِلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا وَأَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ  
عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-  
Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa

Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَرِيَا آمِنًا مُظْمِنًا، سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Engkau angkat dan hilangkanlah wabak penyakit Covid-19*

yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

اللَّهُمَّ قَوِّ إِيمَانَنَا، وَوَحِّدْ صُفُوفَنَا، وَاجْمَعْ قُلُوبَنَا عَلَى مَحَبَّتِكَ وَنُصْرَةِ شَرِيعَتِكَ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.  
﴿سورة الصافات﴾